

AL-QURAN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

Di dalam bahagian yang kedua ini al-Marhum Haji Agus Salim menghuraikan dengan lebih lanjut akan jasa al-Quran al-Karim kepada dunia dalam soal membanteras buta huruf- seterusnya baca kupasan ahli falsafah Islam yang kebilangan ini:

(Oleh Haji Agus Salim)

Di Afrika Selatan

Ada lagi satu kejadian yang tidak begitu terkenal, yang menunjukkan bagaimana “wajib belajar baca tulis” kerana kewajipan belajar mengaji al-Quran itu, membebaskan satu bangsa dari belenggu buta huruf dalam bahasa yang dipakai sendiri.

Pada zaman kita ini seluruh dunia sudah tahu bahawa di Afrika Selatan, bangsa Broran sangat dibezakan kedudukannya dan haknya dengan bangsa kulit putih; istimewa berkenaan dengan kesempatan anak-anak Broran belajar di sekolah. Keadaan itu pada masa yang lalu tentu tidak lebih daripada masa yang kemudian ini jika mati mengharapkan dari pemerintahan di Afrika Selatan itu, pastilah rakyat kebanyakkan yang Broran tetap buta huruf.

Tetapi di Afrika Selatan itu, dari zaman Belanda dahulu, ada satu golongan bangsa Islam yang asalnya orang buangan dari Indonesia. Golongan itu, dengan campuran darah anak negeri aslinya yang tertarik kepada agama Islam, telah bertambah-tambah jumlahnya. Golongan itu mengekalkan pelajaran

di dalam kalangannya. Dan sebagai juga dikalangan bangsa lain-lain yang didapati agama Islam, seperti tersebut di atas tadi mereka telah menggunakan huruf Arab “alif ba ta” untuk bangsa sendiri; iaitu satu bahasa campuran daripada bahasa Belanda Afrika Selatan (Zuid- Afrikaans).

Pada satu masa berjumpa di Mekah sebuah kitab dengan huruf Arab, kalangan ahli ketimuran (orientalis) Barat bingung melihat kitab itu, yang tak dapat dibacanya, sebab bahasanya nyatalah bukan suatu bahasa Timur, yang beragama Islam dan yang tiap-tiap bahasanya pasti ada ahlinya di dalam kalangan orientalis-orientalis pelajaran sekolah tinggi di Barat itu, sampai pada satu hari professor Belanda Snouk Hurgronje dalam mengeja-ngeja kitab itu, tiba-tiba terbaca kata-kata bahasa Afrika Selatan. Kejayaan itu sangat menolong memasyhurkan namanya, sungguhpun sebagai seorang orientalis Belanda yang telah mempelajari juga bahasa Melayu tidak ada hairannya. Bahawa ia yang lebih dahulu mengenal bahasa yang dipakai dalam kitab itu, iaitu campuran bahasa Belanda dengan bahasa Melayu.

tetapi yang penting untuk rencana saya daripada kitab itu ialah bukti bahawa pelajaran mengaji Quran yang diwajibkan atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan dari mula kecilnya telah memerdekaan orang-orang Melayu Afrika Selatan itu (atau orang Melayu Kif) dari belenggu buta huruf, sehingga terbukalah bagi mereka jalan penyebaran pengajaran agama dan lain daripada agama dengan tulisan (dan cetakkan), tepat seperti tersebut di dalam Quran yang saya kutip tadi itu, iaitu mengajarkan kepada manusia pengetahuan yang belum diketahuinya.

Indonesia

Untuk kebudayaan tanah air kita Indonesia pun tak mudah dapat kita cukupkan penghargaan akan nilainya jasa peraturan “wajib belajar baca tulis” kerana kewajipan mengaji Quran itu untuk memelihara dan memajukan kebudayaan bangsa kita segenap dalam seluruh kepulauan yang menjadi tanah air kita ini.

Bangsa kita terdiri atas beberapa banyak suku bangsa, yang masing-masing mempunyai bahasa sendiri. Mempunyai juga beberapa tulisan asal terambil pada mulanya dari tulisan-tulisan yang datang kepada kita dari benua India. Sampai dalam masa kita ini masih ada tulisan-tulisan Jawa (Sunda) Batak, Lampung (?) Bugis, dan barangkali ada lagu lain-lain tetapi sebagaimana umumnya dalam bangsa dari dahulu-dahulu itu kepandaian “baca tulis” terbatas kepada tingkatan-tingkatan atas di Eropah pun “wajib belajar” untuk sekalian rakyat baharu dimulai kira-kira pada pertengahan abad kesembilan belas dan hanya dengan beransur-ansur merata di dalam benua Eropah itu.

Dengan datangnya agama Islam membawa kewajipan belajar mengaji Quran itu, baharulah kepandaian “baca tulis” melangkahi batas tingkat dan pangkat, dan pelajaran “baca tulis” sampai kekampung-kampung, desa dan dusun.

tersiarinya kepandaian “baca tulis” yang sama dalam seluruh negeri itu sangat menolong berkembang satu bahasa persatuan, iaitu bahasa Melayu yang dalam jalan riwayatnya kini telah menjadi bahasa Indonesia dalam bahasa itu, yang memakai huruf Arab mulailah berkembang “seni bahasa” dengan hikayat-hikayat dan syair-syair ceritera; dengan pantun dan pepatahnya, yang merupakan kebudayaan bersama, yang memandu segala suku bangsa tanah air kita ini menjadi satu bangsa, dan kesatuan bangsa itulah yang kini menjadi dasar dan asas kita sebagai satu negara yang tak kena dibahagi-bahagi dipecahilah lagi.

Demikianlah tanah air dan dalam bangsa kita pun pemberian Islam dengan pelajaran mengaji Quran yang diwajibkannya, menolong memelihara dan menambah bilai kebudayaan bangsa kita, jauh keluar lingkungan ajaran agama belaka: lama sebelum pemerintah Hindia Belanda membuka sekolah yang pertama-tama, yang terutama diperlukan untuk mencukupi hajat kepada pegawai-pegawai jurutulis tingkat rendah.

Kepentingan Sistem Pengajaran

Berkenaan dengan pelajaran “baca tulis” huruf alif ba ta untuk mengaji Quran, ada dua perkara lagi yang penting-penting yang hendak saya terangkan di sini.

Pertama berkenaan dengan sifat “alif ba ta” Arab itu, berlainan dengan “alphabet” yang tersiar di dunia Barat (dan kini telah kita pakai dengan melupakan ajaran huruf “alif ba ta” warisan lama itu). Huruf “alif ba ta” itu sama bentuk dan sama bacaannya dalam seluruh dunia. Tidak ada perbezaan bentuk yang jauh berlainan seperti *alphabet* Greek dan *alphabet* Rusia yang terambil daripadanya, dengan *alphabet* Rumi yang dipakai oleh lain-lain bangsa Eropah. Tidak pun sampai sejauh perbezaan huruf bentuk *gothic* yang dipakai Jerman dengan huruf-huruf Rumi dalam negeri Eropah yang lain-lain.

pun tentang harga huruf-huruf itu, tidak ada perbezaan huruf-huruf tentang harga huruf-huruf itu, tidak ada perbezaan huruf-huruf “alif ba ta” dalam satu bahasa sampai sejauh perbezaan huruf-huruf *alphabet* (huruf Rumi P, Q) seperti misalnya dalam bahasa Inggeris Perancis, Belanda dan Jerman.

Kedua perkara, aturan belajar mengaji Quran menghasilkan kepandaian baca tulis memakai huruf Arab dalam tiap-tiap bahasa. Orang-orang yang mengenal hasilnya pelajaran mengaji itu, yang mengajar anak-anak kecil lancar membaca Quran dalam bahasa yang mereka tidak mengerti, dalam waktu yang amat singkat, terpaksa mesti takjub jika ia hendak berfikir.

Cubalah bandingkan kaji anak, yang dapat khatam Quran dalam setahun atau lambatnya dua tahun, dengan bacaan huruf Latin daripada anak yang tamat sekolah desa tiga tahun. Bukan sahaja anak-anak murid Quran itu dapat lancar membaca bahkan hafalannya pun tegas sekali.

Aturan yang dipakai di dalam tempat mengaji Quran dan madrasah, sudah dikenal di dunia Barat dan kini telah umum dipakai dalam Amerika Syarikat untuk mengajarkan bahasa-bahasa asing. Sistem itu ialah sistem menyemak (meniru) dan mengingat (menghafal) yang dengan bahasa Inggeris dinamakan “*Memory- Mimicry*” menyemak bererti lebih daripada mendengar, iaitu mendengar sambil memperhatikan cara si guru mengeluarkan suaranya dengan gerak bibirnya, hidungnya lidahnya, kerongkongnya: menyemak ertinya meniru dengan cara yang serupa betul dalam segala-galanya; lalu menghafal ertinya mengulangi sampai tak akan mahu lupa-lupa lagi.

Menyemak dan menghafal memang caranya anak-anak belajar dengan tidak menghendaki ia berfikir dan mengerti.

Memang berfikir dan mengerti itu belum berkembang lagi kepada anak-anak waktunya; melainkan tumbuhan dengan tambah umurnya dan latihan pendidikannya. Tetapi untuk orang besar pun yang sudah berumur, kepandaian, berlainan dengan pengetahuan,

lebih cepat dipelajari dengan sistem “menyemak dan menghafal” itu, seperti kita lihat dalam latihan tentera dan dalam latihan bahasa asing seperti yang kini telah dipakai di Amerika Syarikat itu.

Agak panjang saya menghuraikan keterangan penyebaran kepandaian “baca tulis” dalam sebahagian besar daripada bumu kita ini, tegasnya, dari hujung Afrika Barat sampai kehujung-hujung Nusantara kita melalui benua Asia sampai jauh masuk ke daerah Subit dan Tiongkok, sebagai salah satu pemberian Islam untuk kemajuan kebudayaan dunia. Tetapi rasanya jika panjang, bukanlah tidak sepadan dengan nilai jasa pemberian yang amat mulia itu. Tak ada orang yang akan hendak memungkiri, atau jika pun hendak, akan dapat memungkiri kenyataan. Bahawa tarikh riwayat dan jejak dan bekas yang terus ada sampai masa sekarang ini. Menyaksikan bahawa pembanterasan buta huruf atau lebih tegas penyebaran kewajipan belajar “baca tulis” yang diwajibkan oleh firman Allah di dalam Quran, telah dapat menyelamatkan dan menimbulkan kembali hasil-hasil kebudayaan Rom dan Yunani yang sudah terbenam dan membangkitkan “*Renaissance*” juga untuk keuntungan dunia Barat. Pada permulaan penyebaran Quran itu dunia Eropah sudah kira-kira tiga abad menderita penyerbuan. Ini perosakkan yang hebat-hebat, berturut-turut. Oleh bangsa Vandal, Goth dan Hun yang meraih dan membinaaskan kota-kota besar pusat-pusat kebudayaan lama, pasal warisnya daripada Yunani dan Rom.

Dengan kebangkitan baharu yang diusahakan oleh penyebar-penyebar Quran itu, hasil kebudayaan lama itu terutama di Medan ilmu fikiran dan ilmu pengetahuan ditambah dengan dorongan ajaran-ajaran Quran itu.

*

(Dalam “Qalam” yang akan datang, akan disajikan bahagian yang ketiga buah pena al-Marhum Haji Agus Salim bertajuk “Menyedari Kewajipan – P.Q).